

CNS9583

R GB 07-04 00200 BH654

AAB

Mahathir - G15

MENTERI-MENTERI ANGGOTA G15 BERTEMU SEHARI LEBIH AWAL DI MARRAKECH

KUALA LUMPUR, 6 April (Bernama) -- Para menteri negara anggota Kumpulan 15 (G15) akan bertemu di Marrakech, Maghribi, sehari lebih awal daripada tarikh mesyuarat Perjanjian Am mengenai Perdagangan dan Tariff (GATT), kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, pertemuan itu bertujuan membentuk satu pendirian bersama dalam usaha menghalang sebarang cubaan untuk menjejaskan kepentingan negara sedang membangun oleh sesetengah pihak ketika mesyuarat GATT.

"Keputusan itu dibuat oleh ketua-ketua kerajaan anggota G15 di New Delhi baru-baru ini kerana percaya bahawa ada usaha oleh sesetengah pihak untuk merosakkan komitmen mereka kepada persetujuan GATT," katanya kepada pemberita selepas menghadiri perjumpaan Aidil Fitri dengan media anjuran Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat, di sini malam ini.

Katanya, ketua-ketua kerajaan negara anggota G15 bimbang beberapa syarat yang merugikan negara-negara sedang membangun mungkin cuba dimasukkan oleh sesetengah pihak ke dalam perjanjian GATT yang akan ditandatangani negara-negara yang menganggotainya.

Ketika ditanya sama ada keputusan G15 untuk mengadakan mesyuarat menteri-menterinya itu sehari lebih awal merupakan satu jangkakan bahawa perkara berkenaan akan berlaku, Perdana Menteri berkata: "Kita selalu menjangka perkara sedemikian". -- Lagi

▼07/04/00-11MST

CNS9586

R GB 07-04 00121 BH656

AAB

Mahathir - G15 2 Kuala Lumpur

Baru-baru ini, Perdana Menteri, ketika menghadiri persidangan G15 di New Delhi, mengingatkan negara-negara sedang membangun terhadap kecenderungan negara-negara maju untuk mengaitkan ekonomi dengan perkara-perkara lain seperti hak asasi manusia dan pengenalan gaji minimum sejagat.

Katanya, negara-negara maju sedang berusaha meletakkan pelbagai syarat dalam perjanjian GATT yang akan merugikan negara-negara sedang membangun.

Perdana Menteri juga ditanya sama ada mesyuarat mingguan kabinet hari ini membuat sebarang keputusan berhubung pengganti Gabenor Bank Negara, Tan Sri Jaffar Hussein.

Dr Mahathir berkata, Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, akan membuat pengumuman mengenainya tidak lama lagi.

"Kabinet ada membincangkannya tetapi saya tidak boleh beritahu anda," katanya. -- Lagi

▼07/04/00-19MST

AAB

Mahathir - G15 3 (akhir) Kuala Lumpur

Jaffar mengaku bertanggungjawab terhadap kesilapan Bank Negara ketika melibatkan diri dalam urusan niaga hadapan pertukaran wang asing sehingga bank pusat itu kerugian RM9,300 juta pada 1992 dan RM5,700 juta tahun lepas.

Sehubungan itu, beliau memilih untuk bersara awal mulai 1 Mei ini.

Mengenai politik, Dr Mahathir ditanya sama ada UMNO akan menyusun semula Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan selepas kekalahan parti itu pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Lundang.

Perdana Menteri, yang juga Presiden UMNO berkata, walaupun terdapat beberapa masalah dalaman parti itu di Kelantan, penyusunan semula adalah tidak perlu.

"Sememangnya ada beberapa kelemahan dalam jentera parti pada pilihan raya itu tetapi ianya boleh diperbaiki," kata beliau.

Di Sabah pula, Jawatankuasa Disiplin UMNO yang dipengerusikan Anwar (Timbalan Presiden UMNO) akan mengambil tindakan yang perlu terhadap anggotanya yang belot semasa pilihan raya umum negeri baru-baru ini, katanya Bernama.

AH SN CR